

**KDNK: Unjuran susut
Utusan Online
October 14, 2011
Oleh NORLAILI ABDUL RAHMAN**

KUALA LUMPUR 13 Okt. - Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) membuat semakan menurun terhadap unjuran pertumbuhan ekonomi negara 2011 kepada 4.6 peratus berbanding 5.2 peratus sebelumnya.

Pengarah Eksekutif MIER, Dr. Zakariah Abdul Rashid (**gambar**) berkata, unjuran itu berdasarkan kelembapan pertumbuhan eksport akibat ketidaktentuan ekonomi global dan juga serantau.

Jelasnya, ekonomi Malaysia hanya berkembang pada kadar 4.4 peratus pada separuh pertama tahun ini berbanding 10.1 peratus tempoh sama tahun lalu, manakala pertumbuhan separuh kedua pula dijangka sederhana ekoran kelemahan eksport yang semakin ketara.

"Kebimbangan terhadap krisis di Eropah dijangka menjejaskan tinjauan ekonomi Malaysia untuk Amerika Syarikat (AS) dan China, sekali gus menjurus kepada pertumbuhan eksport yang semakin lemah.

"Walaupun pelaksanaan projek-projek Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan inisiatif di bawah Bajet 2012 dijangka merangsang permintaan domestik, namun ia dilihat masih belum mampu mengurangkan impak penurunan eksport," katanya semasa taklimat media mengenai unjuran ekonomi Malaysia suku ketiga di sini hari ini.

Dr. Zakariah turut mengumumkan semakan semula jangkaan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada 2012 kepada lima peratus berbanding 5.5 peratus sebelumnya.

MIER menjangkakan inflasi tahun ini menyederhana kepada 3.1 peratus tahun ini sebelum merosot kepada 2.7 peratus pada 2012 berikutan unjuran ekonomi yang lemah dan harga komoditi yang semakin rendah.

"Kadar Dasar Semalaman (OPR) diramal kekal pada kadar tiga peratus pada tahun ini dan 2012 dan dasar kewangan akan terus membantu menyokong pertumbuhan negara," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD
Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1014&pub=Utusan_Malaysia&sec=Ekonomi&pg=ek_01.htm